

24 MAR 2000

MAHATHIR RAIKAN PRESIDEN GHANA

LANGKAWI, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meraikan Presiden Ghana Jerry John Rawlings dalam satu jamuan malam di sini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini dari Kuala Lumpur pada 7.30 malam, sebelum itu membuat kunjungan hormat ke atas Rawlings di Berjaya Beach and Spa Resort di sini.

Jamuan malam itu, yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini, turut dihadiri oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir kemudian berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas jamuan malam itu.

Rawlings tiba di pulau percutian ini semalam untuk lawatan peribadi selama tiga hari. Beliau ditemani isterinya, Nana Konadu Agyeman-Rawlings dan empat anak mereka.

Presiden Ghana itu turut diiringi oleh Menteri Luar James Victor Gbeho dan Timbalan Menteri Pertahanan Dr Tony Aidoo.

--BERNAMA

NH NAK